

# Bersalin lepas 'diselamat'

4/ metro  
5/8/15  
mls 13

## Kuala Lumpur

Seorang mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang baru beberapa jam diselamatkan melahirkan seorang bayi lelaki di wad bersalin Hospital Selayang, dekat sini, malam kelmarin.

Wanita berusia 20-an itu antara 21 wanita dan remaja yang menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia didalangi seorang wanita berusia 54 tahun yang 'menjual' bayi dalam kandungan kepada keluarga angkat.

Penolong Pengarah D7C Unit Anti Pemerdagangan Orang dan Unit Anti Penyeludupan Migran (ATIP-SOM) Asisten Komisioner Maszely Minhad berkata,

wanita berkenaan selamat melahirkan bayi lelaki seberat tiga kilogram selepas mengalami kontraksi ketika 'ditahan' di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

"Kami menyelamatkan wanita ini ketika dia mahu menjalani pemeriksaan kesihatan di sebuah hospital swasta di Gombak.

"Bagaimanapun, ketika proses dokumentasi di IPD Gombak, wanita ini mengadu sakit perut seperti mahu bersalin sebelum pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bergegas membawanya ke hospital," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, sebaik tiba di hospital, hasil pemeriksaan doktor mendapati kandungan mangsa yang memasuki 36 minggu dan menunjukkan tanda mahu bersalin.

"Mangsa selamat melahirkan bayi dalam keadaan normal di hospital jam 9 malam dan kini ditempatkan di rumah perlindungan di Negeri Sembilan," katanya.

Semalam Harian Metro melaporkan satu sindiket pemerdagangan manusia dilumpuhkan hasil kerjasama ATIP-SOM, akhbar ini dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan tangkapnya tiga wanita.

**FAKTA**  
Bayi lelaki 3kg lahir di hospital

**Kuala Lumpur:** Ketiadaan anak dalam pangkuan boleh memberi kesan emosi dan psikologi kepada ibu kerana melalui pengalaman yang tidak normal selepas proses mengandung dan melahirkan.

Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Prof Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, menjadi lumrah ibu yang mengandung dan melahirkan anak terbabit dalam proses menjaga serta melihat zuriat membesar di depan mata.

"Namun bagi kes ini, mereka melalui pengalaman yang luar biasa iaitu mengandung dan melahirkan namun tidak terbabit dalam proses tumbesaran anak itu.

"Kitaran fizikal mental dan emosi ikut fitrah ibu mengandung dan melahirkan anak, tetapi ketiadaan anak dalam pangkuan boleh memberi kesan emosi dan psikologi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau tampil memberi persepsi psikologi selepas terbaca laporan akhbar ini semalam yang membongkar dan membantu melumpuhkan sindiket pemerdagangan manusia yang men-

# Jiwa ibu serah anak tertekan

Rasa kecewa dan kegagalan mengurus diri diluahkan dan dihalakan kepada anak yang tidak berdosa ini"

Dr Mohamed Fadzil Che Din

jadikan bayi dalam kandungan gadis dan wanita terlanjur sebagai barang dagangan dengan kerjasama Unit Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIP-SOM) Bukit Aman dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dr Mohamed Fadzil berkata, ibu angkat juga terperangkap dalam jurang nilai fitrah normal manusia dengan nilai dagangan seorang bayi atau manusia.

"Masalah ini kritikal dan krisis teruk apabila ibu kandung mula merasai kehilangan anaknya yang kini di-

berikan kepada orang lain.

"Bagi pembeli bayi pula, mereka gagal berfungsi sebagai keluarga yang normal berikutan sentiasa dibelenggu elemen tanda harga anak angkat yang dibeli," katanya.

Katanya, ibu bapa pembeli ini gagal mengekalkan nilai murni dalam jiwa anak itu kesan rasa bersalah dan konflik diri yang menghan-tui tumbesaran anak itu.

"Keresahan ini kemungkinan menyebabkan ibu bapa angkat berkenaan mungkin terdedah kepada aktiviti penderaan dan kekerasan ke atas anak yang dibeli.

"Rasa kecewa dan gagal untuk urus diri diluahkan dan dihalakan kepada anak yang tidak berdosa ini," katanya.

Katanya, semua pihak berwajib wajar mengambil iktibar dan mengucapkan terima kasih atas pendedahan Harian Metro yang berjaya membongkar isu kepincangan dalam masyarakat sekarang.